



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PELAN STRATEGIK 2021-2025

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

PELAN STRATEGIK FBI 2021-2025

Edisi Pertama / *First Edition*, 2021

Edisi Kedua (Semakan) / *Second Edition (Review)* 2022

Hak Cipta / *Copyright* Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan UMK

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan semula dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa izin daripada penerbit.

Diterbitkan dan dicetak di Malaysia oleh:

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan
UMK Bachok
16350 Bachok, Kelantan.

Telefon : +609-7797445

Faksimili : +609-7797442

Pelan Strategik Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan 2021-2025

• FASA PERKEMBANGAN FBI 2021-2030 •



TRANSISI

FASA 1
2021-2022
(2 TAHUN)



PENGEMBANGAN

FASA 2
2023-2025
(3 TAHUN)



PENGUKUHAN

FASA 3
2026-2027
(2 TAHUN)



KELESTARIAN

FASA 4
2028-2030
(3 TAHUN)



- Menuju 2030 -

FASA 1

(2021-2022)

Transisi Pusat ke Fakulti

- 1 Promosi dan penjenamaan Fakulti baharu
- 2 Penawaran kursus umum dan wajib universiti
- 3 Penawaran 7 program akademik
- 4 Pengukuhan program/aktiviti sokongan PdP dan pembangunan pelajar
- 5 Pemantapan jaringan industri melalui MoU/MoA bagi tujuan pelaksanaan Latihan Industri pelajar
- 6 Pengukuhan jaringan kerjasama akademik dan penyelidikan dengan UA dan IPTS berkaitan dalam negara
- 7 Semakan kurikulum program Sarjana Komunikasi Perniagaan
- 8 Pengukuhan dan pemantapan keupayaan ahli akademik (pensyarah dan guru bahasa)
- 9 Promosi program akademik bagi tujuan pengambilan pelajar baharu
- 10 Penyelarasan proses transisi posisi pensyarah bagi pengendalian program akademik dan pengajaran kursus umum universiti
- 11 Pelaksanaan program/aktiviti penjana pendapatan Fakulti melalui kursus kemahiran bahasa/kursus jangka pendek dsb.

FASA 2

(2023-2025)

Pengembangan Fakulti

- 1 Semakan kurikulum program akademik prasiswazah dan pascasiswazah kerja kursus
- 2 Penawaran 11 program akademik
- 3 Pelaksanaan program mobiliti pelajar (inbound dan outbound) dengan rakan strategik universiti serantau ASEAN (Student - ASEAN Mobility Programme – StAMP)
- 4 Penglibatan aktif rakan strategik industri melalui program 'Ikon Industri'
- 5 Pelantikan Profesor Adjung daripada pemain industri dan pakar rujuk daripada agensi
- 6 Peningkatan mutu penyelidikan dan penerbitan yang diiktiraf di rantau ASEAN dan Asia
- 7 Pengantarabangsaan staf akademik melalui program mobiliti, sangkutan industri dan sabatikal penyelidikan di universiti rantau ASEAN
- 8 Pemantapan penjana sumber kewangan Fakulti melalui inisiatif strategik keusahawanan staf dan pelajar
- 9 Jaringan dan hubungan alumni fakulti (prasiswazah dan pascasiswazah) bagi tujuan pemantapan kurikulum dan pengalaman pembelajaran
- 10 Perkongsian kepakaran staf akademik dalam kalangan akademia di peringkat nasional dan rantau ASEAN
- 11 Inisiatif strategik khidmat komuniti melalui program University for Society (U4S)

FASA 3

(2026-2027)

Pengukuhan Fakulti

- 1 Pengukuhan jalinan kerjasama dengan industri dan agensi strategik bagi tujuan pementapan fakulti dan program akademik
- 2 Proses semakan kurikulum dan penjenamaan semula program akademik sedia ada supaya program yang ditawarkan relevan mengikut perkembangan semasa
- 3 Pengukuhan jaminan kualiti program prasiswazah dan pascasiswazah
- 4 Graduan berdaya saing, berciri keusahawanan dan mempunyai kebolehpasaran tinggi
- 5 Pengantarabangsaan staf akademik dan perkongsian kepakaran melalui program mobiliti, sangkutan industri dan sabatikal penyelidikan di universiti rantau Asia, Timur Tengah dan Eropah (Academic Mobility Programme – AcaMP)
- 6 Pelantikan Profesor Pelawat di Fakulti dari universiti rantau Asia dan Eropah
- 7 Pelaksanaan program mobiliti pelajar (inbound dan outbound) di rantau Asia, Timur Tengah dan Eropah (Global Entrepreneurship and Mobility Programme for Students – GEMS)

- 1 Pengukuhan imej dan penjenamaan Fakulti di peringkat tempatan dan antarabangsa
- 2 Kelestarian program akademik
- 3 Inisiatif mendapatkan pengiktirafan dalam dan luar negara bagi program akademik yang ditawarkan melalui hubungan dua hala universiti-industri
- 4 Penubuhan Pusat Kecemerlangan Bahasa Antarabangsa
- 5 Penubuhan Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban
- 6 Pewujudan Kursi Industri bagi bidang tujuhan strategik yang dibiayai oleh pihak industri
- 7 Penganjuran persidangan antarabangsa berimpak tinggi dengan kerjasama rakan strategik antarabangsa Fakulti

RASIONAL

Dokumen Pelan Strategik FBI
2021-2025 disediakan untuk:

Menghuraikan hala tuju dan perancangan strategik FBI untuk jangka masa Lima (5) tahun secara jelas, sistematik dan realistik.

Menjadi dokumen rujukan dan panduan dalam pembangunan FBI sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) Akademik.

Mendisiplinkan pembangunan FBI pada masa hadapan supaya bergerak di atas landasan dan acuan yang dipersetujui secara konsensus melalui kaedah musyawarah selaras dengan Pelan Strategik UMK 2021-2025.

Sejarah

UMK, PBI dan FBI

Universiti Malaysia Kelantan atau akronimnya UMK ialah sebuah Universiti Awam (UA) ke-19 ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim.

Sebagai sebuah universiti komprehensif dan berfokus, UMK memberi tumpuan kepada pendidikan keusahawanan yang merealisasikan ciri-ciri sebuah universiti keusahawanan. Penubuhan sebuah universiti di negeri Kelantan telah menjadi satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi Negara. YAB Perdana Menteri Malaysia ke-5 Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan RMKe-9 pada 31 Mac 2006.

Penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah diwartakan pada 7 Disember 2006 melalui Warta Kerajaan P.U. (A) 415 sebagai sebuah Universiti dan berkuatkuasa pada 1 September 2006. Selaras dengan penubuhan dan pewartaan UMK sebagai Universiti Awam ke-19, pembangunan strategik Universiti Malaysia Kelantan adalah memenuhi kehendak perintah pemerbadanan iaitu:



Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agrobioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan rekabentuk kreatif, pengajian bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan / pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.

Warta Kerajaan P.U. (A) 415/2006



Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan enterpris. Oleh itu frasa rangsangan seperti 'Keusahawanan Teras Kami' dan 'Universiti Keusahawanan' diangkat sebagai tema utama yang harus dihayati secara berkesan oleh warga UMK. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga (3) bidang pengajian iaitu Keusahawanan dan Perniagaan; Teknologi Kreatif dan Warisan; dan Agro Industri dan Sains Sumber Asli.

Seiring dengan penubuhan tiga (3) fakulti sulung di UMK iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) pada tahun 2007, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) juga ditubuhkan.

“

Penubuhan PBI diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) melalui surat makluman bertarikh 27 Januari 2007. Bermula saat itu, PBI mengorak langkah mereddisasikan objektif penubuhannya selaras dengan kehendak perintah pemerbadanan UMK dengan menawarkan kursus-kursus '*pengajian bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Mandarin dan lain-lain*', dan kursus-kursus umum universiti termasuk Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik, Falsafah Ilmu dan lain-lain.

”

Pada tahun 2007, PBI ditadbir oleh Pengarah pertama iaitu Prof. Madya Dr. Farok Zakaria (kini Profesor Dr. Farok Zakaria) dengan dibantu oleh beberapa staf akademik pada ketika itu iaitu En. Marwan Ismail (kini Dr. Marwan Ismail), En. Mohd. Zain Mubarak (kini Prof. Madya Dr. Mohd Zain Mubarak), Dr. Nur Azuki Yusuff (kini Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff).

PBI berpindah ke UMK Kampus Bachok (kini dijenamakan sebagai UMK Bachok) dan beroperasi di Tingkat 1, Blok Akademik dan Pentadbiran. PBI berpindah ke bangunan baharu pada bulan Julai 2017 setelah bangunan baharu PBI siap untuk diduduki. Setelah mencapai 11 tahun operasi. Pelan Strategik PBI 2018-2020 dilancarkan untuk merealisasikan impian 2020.

Usaha dan gerakerja awal untuk menaik taraf PBI sebagai Fakulti telah digerakkan seawal tahun 2013 melalui rancangan pembangunan program akademik baharu prasiswazah. Pada tahun 2015, Projek Khas Pengajian Liberal diwujudkan bagi memberi laluan kepada penubuhan Fakulti Pengajian Liberal. Pada tahun 2018, setelah hala tuju PBI disemak semula berdasarkan dokumen Pelan Strategik UMK 2010-2020 dan penyelarasan dilaksanakan, usaha ke arah naik taraf fakulti diteruskan.

Pada bulan Januari tahun 2020, kertas kerja naik taraf PBI sebagai Fakulti telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat UMK. Seterusnya, kertas kerja tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UMK dan diluluskan pada 22 September 2020.

Kertas kerja naik taraf tersebut telah diangkat untuk kelulusan JPT pada bulan November 2020 dan telah memperoleh kelulusan pada 27 November 2020. Operasi Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan dengan akronim FBI sebagai sebuah fakulti secara rasmi telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada bulan 10 Januari 2021.

FALSAFAH

FBI komited melahirkan insan yang holistik berteraskan penguasaan bahasa dan pembangunan insan untuk mencapai kesejahteraan ummah.

VISI

Menjadi peneraju dalam bidang pengajian bahasa dan pembangunan insan bagi melahirkan insan yang seimbang dan holistik untuk kesejahteraan global.

MISI

Melaksanakan program akademik, penyelidikan, perkhidmatan berkualiti dan relevan dalam bidang pengajian bahasa dan pembangunan insan demi kemakmuran sejagat.

MOTO FAKULTI

'Demi Tuhan Kami Berbakti'

'DEMI TUHAN'

- Asas segala perkara yang dirancang dan dilaksanakan adalah NIAT.
- Niat IKHLAS kerana Tuhan bukan kerana manusia, kepentingan duniawi atau kepentingan diri.
- Ganjaran daripada Tuhan diutamakan berbanding dengan pengiktirafan manusia.

'KAMI BERBAKTI'

- Usaha secara kolektif dan semangat berpasukan yang tinggi.
- Bakti dicurahkan secara inklusif dan semangat sukarela tanpa mengharapkan balasan.
- Hayati sifat ALTRUISME dalam usaha berbakti kepada pihak yang memerlukan.



NILAI TERAS ORGANISASI UMK

3

Kreatif dan Inovatif

Kesediaan untuk Membuat dan Menerima Perubahan

Bersikap Profesional dalam Segala Tindakan

NILAI PEMBUDAYAAN WARGA UMK

4

Mesra & Endah

Jujur & Amanah

Bertanggungjawab & Komited

Bersyukur & Redha

NILAI TERAS FBI

5

Ukhuwwah

Kreatif & Inovatif

Integriti

Mesra & Cakna

Profesional

HURAIAN

5 Nilai Teras FBI

UKHUWWAH

Menghayati nilai persaudaraan, persahabatan, kekitaan umpama sebuah keluarga besar yang berusaha merealisasikan azam dan impian melalui semangat kolektif dan kaedah musyawarah.

KREATIF & INOVATIF

Memupuk daya kreativiti dan pemikiran inovatif dalam pelaksanaan agenda FBI melalui sesi sumbang saran dan diskusi kreatif secara berkala, terancang dan dipimpin.

INTEGRITI

Meningkatkan kesedaran dan penghayatan nilai integriti di tempat kerja, dalam pelaksanaan proses kerja dan bertanggungjawab terhadap tugas hakiki dan amanah kerja yang diberikan.

MESRA & CAKNA

Mengamalkan sifat mesra, mudah didekati dan kasih mengasihi serta mengambil peduli, cakna dan bahu-membahu dalam urusan yang memerlukan penglibatan secara kolektif.

PROFESIONAL

Menunjukkan sifat dan sikap profesional dalam urusan kerja harian yang dilaksanakan serta menghindari sifat amarah, egoistik dan beremosi ketika berurusan.

Teras Strategik 1: KEUNGGULAN PELAJAR

RASIONAL

- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
- Mengungguli kemenjadian graduan yang menjadi contoh tauladan dan berperanan secara berkesan dalam masyarakat.

HURAIAN OBJEKTIF

- Melaksanakan inisiatif berimpak tinggi bagi meningkatkan kemenjadian pelajar.
- Mengadakan program yang bersifat *experiential learning* dan pendedahan antarabangsa kepada pelajar.
- Mempelbagaikan pengalaman dan kemahiran boleh pindah pelajar sebelum bergraduasi.

PERANAN STAF

- Semua staf menghayati agenda pembangunan pelajar holistik dan melaksanakannya secara bersinergi.
- Semua staf berperanan dalam bidang kepakaran masing-masing dalam menjayakan inisiatif strategik.

RUMUSAN

- Usaha strategik secara kolektif dan bersinergi dalam agenda kemenjadian insan pelajar amat perlu diberi perhatian serius agar generasi masa depan mampu menjadi pewaris keilmuan dan kepimpinan umat.



TERAS STRATEGIK 1: KEUNGGULAN PELAJAR



Objektif Strategik

Menaikkan kebolehpasaran graduan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

2021

2022

2023

2024

2025

1. PERATUSAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR - (MPI)

A	Peratusan pelajar menyertai program <i>Starting, Pre</i> dan <i>Finishing School</i>	100	100	100	100	100
B	Bilangan Pelajar yang menyertai program <i>inbound/outbound</i> /latihan industri di luar negara	2	3	3	4	5
C	Peratusan pelajar mengemaskini profil bukan akademik dalam sistem pemprofilan pelajar	-	-	100 Pelajar tahun akhir	100 Pelajar tahun akhir	100 Pelajar tahun akhir
D	Jumlah Dana <i>Graduate Employability (GE)</i> yang diterima	-	5K	10K	15K	15K
E	Bilangan program berimpak tinggi yang dijalankan	-	1	1	1	1

2. SAHSIAH PELAJAR - (FBI)

A	Peratusan jumlah pelajar yang mencapai pengembangan bakat kepimpinan	-	10	20	30	40
B	Peratusan jumlah pelajar yang mencapai peningkatan jati diri & kematangan sosial	-	20	30	40	50
C	Peratusan jumlah pelajar yang terlibat dalam khidmat kemasyarakatan	-	50	60	70	80

Teras Strategik 2:

KELESTARIAN KEWANGAN

RASIONAL

- Mengoptimumkan perbelanjaan universiti secara sistematik dan efisien.
- Menjana pendapatan melalui aktiviti strategik dan berimpak.

HURAIAN OBJEKTIF

- Melaksanakan langkah penjimatan berhemah.
- Menggunakan sumber peruntukan secara optimum dan berimpak.
- Menawarkan kursus dan perkhidmatan kepakaran yang boleh menjana pendapatan.

PERANAN STAF

- Setiap staf merancang pergerakan bagi tujuan penjimatan kos.
- Setiap staf mengamalkan pengurusan perbelanjaan berhemah dan cekap bagi menyokong kelestarian kewangan universiti.
- Setiap staf membantu dalam aspek penjaanaan pendapatan bagi tujuan manfaat bersama.

RUMUSAN

- Pelaksanaan objektif yang digariskan secara strategik ke arah melestarikan kewangan FBI dan universiti secara berintegriti dan cekap.



TERAS STRATEGIK 2: KELESTARIAN KEWANGAN



Objektif Strategik

Mempergiat aktiviti penjanaan pendapatan universiti untuk mengurangkan kebergantungan sumber kewangan daripada kerajaan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)		2021	2022	2023	2024	2025
1. PERATUSAN PENJANAAN PENDAPATAN SENDIRI BERBANDING PERBELANJAAN OPERASI - (FBI)						
A	Jumlah pendapatan yang dijana melalui Jawatankuasa / Unit di FBI (contohnya Pusat Terjemahan/PEMIKIR/Unit Latihan)	90K	100K	110K	120K	130K
B	Jumlah penjanaan pendapatan melalui aktiviti dan program lain yang diluluskan (seminar/bengkel)	-	1K	2K	3K	4K

Teras Strategik 3: KEUNGGULAN BAKAT



RASIONAL

- Menyediakan sumber manusia bagi memenuhi tuntutan sasaran kerja dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti demi menjayakan visi dan misi universiti serta negara.
- Memenuhi peranan, tanggungjawab dan amanah sebagai khalifah.

HURAIAN OBJEKTIF

- Memiliki etika dan pencapaian kerja berasaskan kepada keperluan bidang tugas.
- Mempunyai sumber manusia yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing.
- Mempunyai infostruktur dan infrastruktur lengkap serta budaya kerja yang selesa.

PERANAN STAF

- Melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh organisasi dengan profesional berasaskan tuntutan sasaran kerja yang ditetapkan.
- Menyuburkan budaya kerja berintegriti.
- Memiliki pemikiran berorientasikan kepentingan pemegang taruh.

RUMUSAN

- Pelaksanaan Amanah dan peranan yang ditetapkan secara profesional, berintegriti dan kompeten demi menjayakan visi dan misi universiti.



TERAS STRATEGIK 3: KEUNGGULAN BAKAT AKADEMIK



Objektif Strategik

1. Memperkasakan staf akademik yang berkelayakan profesional dan/atau berpengalaman industri.
2. Meningkatkan staf akademik yang diiktiraf sebagai pakar rujuk.
3. Memperluas dan memperkasakan kelompok bakat (talent pool)

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)		2021	2022	2023	2024	2025
1. PERATUSAN STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN PROFESIONAL/BERPENGALAMAN INDUSTRI - (OBB)						
A	Peratusan staf akademik yang berkelayakan PhD	60	64	68	72	75
B	Peratusan staf akademik yang mempunyai kelayakan/keahlian badan profesional (berkaitan bidang bahasa, terjemahan)	28	29	30	31	32
C	Peratusan staf akademik yang menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GoT)	5	-	-	-	-
D	Peratusan staf akademik berpengalaman industri	1	2	2	2	2
2. PERATUSAN STAF AKADEMIK DIIKTIRAF SEBAGAI PAKAR RUJUK - (OBB)						
A	Peratusan staf akademik yang dilantik sebagai Pensyarah Pelawat/Penasihat/ Pakar Rujuk	9	10	11	12	13
B	Peratusan staf akademik yang mendapat penganugerahan/pengiktirafan di peringkat kebangsaan/antarabangsa	4	-	-	1	1



TERAS STRATEGIK 3: KEUNGGULAN BAKAT AKADEMIK



Objektif Strategik

1. Memperkasakan staf akademik yang berkelayakan profesional dan/atau berpengalaman industri.
2. Meningkatkan staf akademik yang diiktiraf sebagai pakar rujuk.
3. Memperluas dan memperkasakan kelompok bakat (talent pool)

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

2021**2022****2023****2024****2025**

3. KPI DALAMAN FBI

A Peratusan staf akademik berpengalaman dalam komuniti/NGO/agensi/institusi

20

12

14

16

18

B Bilangan perjawatan akademik baharu

11

7

5

5

5

C Bilangan perjawatan bukan akademik

2

3

-

-

-

D Bilangan pelantikan Profesor Adjung/Profesor Pelawat/Felo Penyelidik

2

3

3

3

3

E Bilangan staf akademik yang menjalani program mobiliti dalam dan luar negara

2


2

2

2

2

Teras Strategik 4: KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN & INOVASI



RASIONAL

- Pembudayaan profesionalisme dalam kalangan staf akademik untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi yang bermutu tinggi menerusi jalinan kerjasama dengan komuniti, agensi dan industri.
- Menawarkan alternatif penyelesaian masalah berdasarkan hasil kajian ilmiah dan inovasi demi kesejahteraan masyarakat.

HURAIAN OBJEKTIF

- Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang bermutu tinggi dan relevan berdasarkan etika penyelidikan serta metodologi yang sesuai.
- Membina jalinan kerjasama dengan komuniti, agensi dan industri untuk mengenal pasti masalah dan mendapat sokongan secara langsung serta tidak langsung.

PERANAN STAF

- Membudayakan penyelidikan melalui permohonan geran penyelidikan dan perundingan.
- Membina kolaborasi kumpulan pakar serta kolaborasi komuniti, agensi dan industri.

RUMUSAN

- Usaha penyelidikan dan inovasi yang berimpak dengan kolaborasi pelbagai pihak yang mampu memenuhi aspirasi FBI demi kesejahteraan sejagat.



TERAS STRATEGIK 4: KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN & INOVASI



Objektif Strategik

1. Memartabatkan reputasi institusi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Melonjakkan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)		2021	2022	2023	2024	2025
1. PENGIRAAN NISBAH KUMULATIF SITASI - (MPI)						
A	Bilangan artikel berindeks WOS/Scopus diterbitkan menggunakan Skim/ Dana Penerbitan	20	25	30	35	40
2. BILANGAN PENYELIDIKAN DIKOMERSILKAN - (OBB)						
A	Bilangan projek prapengkomersilan	1	1	2	2	2
B	Bilangan projek pengkomersilan	0	1	1	1	2
C	Bilangan harta intelek yang didaftarkan	4	4	5	5	6
3. PERATUSAN PENYELIDIK UTAMA (PI) DALAM GERAN PENYELIDIKAN - (OBB)						
A	Peratusan staf akademik mendapat geran dalaman	2	3	3	3	4
B	Peratusan staf akademik mendapat geran peringkat kebangsaan	1	1	2	4	5
c	Peratusan staf akademik mendapat geran industri/NGO/Agensi	1	1	1	1	1
D	Peratusan staf akademik mendapat geran antarabangsa	0	0	1	1	1



TERAS STRATEGIK 4: KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN & INOVASI



Objektif Strategik

1. Memartabatkan reputasi institusi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Melonjakkan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

2021**2022****2023****2024****2025**

4. BILANGAN PINGAT EMAS/ KHAS DALAM PERTANDINGAN INOVASI - (OBB)

A	Bilangan pingat emas/ khas dimenangi peringkat kebangsaan	5	5	7	7	10
B	Bilangan pingat emas/ khas dimenangi peringkat antarabangsa	2	2	3	3	3

5. BILANGAN (NISBAH) PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL DAN PROSIDING BERINDEKS - (OBB)

A	Bilangan penerbitan artikel jurnal berindeks WoS/ Scopus	25	30	35	40	45
B	Bilangan penerbitan artikel prosiding berindeks WoS/ Scopus	1	2	2	3	3

6. BILANGAN PENERBITAN BUKU – (FBI)

A	Bilangan penerbitan buku /ebook	10	12	14	16	18
B	Bilangan penerbitan bab dalam buku	3	3	3	3	3

7. BILANGAN PELAJAR ANTARABANGSA - (MPI)

A	Jumlah pelajar pascasiswazah antarabangsa	15	20	25	30	35
---	---	----	----	----	----	----

8. BILANGAN MOA/MOU/LOI - (FBI)

A	Jumlah MoA/MoU/Lol yang dibuat	5	5	5	5	5
---	--------------------------------	---	---	---	---	---

Teras Strategik 5: KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN

RASIONAL

- Agenda pembangunan akademik merupakan aspek fundamental yang menjadi teras kelestarian FBI. Justeru, pemantauan kualiti program akademik adalah penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

HURAIAN OBJEKTIF

- Menawarkan program pengajian akademik dalam bidang bahasa dan pembangunan insan yang mencapai standard tinggi dan memenuhi keperluan negara.
- Menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi, holistik, seimbang dan kompetitif melalui program pengajian akademik yang ditawarkan.

PERANAN STAF

- Warga FBI seharusnya mengambil bahagian secara aktif dan profesional dalam semua aktiviti akademik dan pembudayaan ilmu di samping melengkapkan diri secara berterusan untuk menjadi pakar dalam bidang pengkhususan masing-masing.

RUMUSAN

- Warga FBI seharusnya komited menjadi entiti akademik berkualiti yang memberi sumbangan bermakna kepada kemajuan negara dan kesejahteraan ummah.



TERAS STRATEGIK 5: KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN



Objektif Strategik

1. Memperkasa agenda dan strategi pengantarabangsaan akademik.
2. Meningkatkan kualiti penawaran program akademik dan keberhasilan matlamat pendidikan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)		2021	2022	2023	2024	2025
1. BILANGAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN (OBB)						
A	Bilangan pelajar mobiliti <i>inbound</i> / <i>outbound</i> antarabangsa	-	3	3	4	5
B	Bilangan promosi antarabangsa disertai/dianjurkan	-	1	2	2	3
2. BILANGAN PROGRAM WORK BASED LEARNING BAHARU (OBB)						
A	Bilangan program mod pengajian 2u2i/ 3u1i ditawarkan	-	1	-	-	-
3. BILANGAN PENAWARAN PROGRAM BAHARU SARJANA MUDA (FBI)						
A	Program Sarjana Muda Baharu	-	-	1	2	-
4. PERATUSAN IGOT DI PERINGKAT SARJANA MUDA (OBB)						
A	Peratusan pelajar berada dalam julat <i>early warning extend indicators</i>	-	1	1	2	2
B	Bilangan program intervensi yang dijalankan	4	6	6	8	8
5. PERATUSAN KECICIRAN PELAJAR SARJANA MUDA (OBB)						
A	Peratusan pelajar berada dalam julat <i>early warning indicator</i>	2.6	1.5	1.5	2	2
B	Peratusan pelajar memilih FBI sebagai universiti pilihan (julat 1-4) dalam Sistem UPU	13	14	15	16	17



TERAS STRATEGIK 5: KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN



Objektif Strategik

1. Memperkasa agenda dan strategi pengantarabangsaan akademik.
2. Meningkatkan kualiti penawaran program akademik dan keberhasilan matlamat pendidikan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)		2021	2022	2023	2024	2025
6. BILANGAN PROGRAM YANG MENDAPAT AKREDITASI SEMENTARA (FBI)						
A	Program Sarjana Muda	-	1	2	-	-
B	Program Sarjana Kerja Kursus	-	1	2	1	-
7. BILANGAN PROGRAM YANG MENDAPAT AKREDITASI PENUH (FBI)						
A	Program Sarjana Kerja Kursus	-	1	-	1	-
8. BILANGAN PENAWARAN KURSUS UMUM & WAJIB UNIVERSITI YANG RELEVAN (FBI)						
A	Bilangan kursus elektif bebas	17	7	-	-	-
B	Bilangan kursus bahasa asing baharu	1	1	-	-	-
9. BILANGAN PROGRAM SARJANA KERJA KURSUS YANG KOMPETITIF (FBI)						
A	Bilangan program baharu yang mendapat kelulusan MQA	-	1	-	-	-
B	Bilangan pelajar yang mengikuti program sarjana kerja kursus	14	20	30	40	50



TERAS STRATEGIK 5: KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN



Objektif Strategik

1. Memperkasa agenda dan strategi pengantarabangsaan akademik.
2. Meningkatkan kualiti penawaran program akademik dan keberhasilan matlamat pendidikan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)		2021	2022	2023	2024	2025
10. BILANGAN KURSUS YANG MEMPUYAI KAEDAH PENYAMPAIAN BERKESAN (FBI)						
A	Bilangan Kursus Bahasa Yang Menepati Standard CEFR	32	2	-	-	-
11. PENINGKATAN KUALITI PENYAMPAIAN KURSUS WAJIB UNIVERSITI (FBI)						
A	Peratusan kursus yang melaksanakan PdP berkualiti	-	80	-	-	-
B	Peratusan kursus yang mempunyai kurikulum terkini dan berkualiti	-	80	-	-	-
C	Peratusan Tenaga Pengajar Yang Terlibat Dalam Peningkatan Penguasaan Bidang		80			
D	Bilangan Program Bahasa Bagi Peningkatan Penguasaan Bahasa Pelajar	8	11	12	12	12

Teras Strategik 6: KEBITARAAN KEUSAHAWANAN

RASIONAL

- Menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam kalangan staf dan pelajar.
- Menyumbang ke arah peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat melalui program keusahawanan sosial dan pembangunan insan.

HURAIAN OBJEKTIF

- Menjalankan program bagi menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam kalangan staf dan pelajar.
- Melaksanakan program yang dapat meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat berkonsepkan keusahawanan sosial dan pembangunan insan.

PERANAN STAF DAN PELAJAR

- Setiap staf dan pelajar bertanggungjawab dalam usaha menghayati budaya keusahawanan sebagai elemen teras universiti.
- Setiap staf menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui bidang kepakaran masing-masing.

RUMUSAN

- Semua staf menghayati nilai dan berjiwa keusahawanan serta mampu menyumbang tenaga kepada kesejahteraan masyarakat.



TERAS STRATEGIK 6: KEBITARAAN KEUSAHAWANAN



Objektif Strategik

1. Memartabat reputasi institusi di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
2. Meningkatkan pelajar menjalankan perniagaan.
3. Menambahkan graduan menceburi bidang keusahawanan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

2021

2022

2023

2024

2025

1. BILANGAN PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN KEUSAHAWANAN PERINGKAT KEBANGSAAN/ANTARABANGSA - (DLM)

A	Bilangan jaringan kolaborasi keusahawanan yang dijalankan	-	1	1	2	2
---	---	---	---	---	---	---

2. PERATUSAN (BILANGAN) USAHAWAN PELAJAR (SE) - (KEU)

A	Peratus pelajar yang menggunakan inkubator keusahawanan	10	10	10	10	10
B	Bilangan syarikat pelajar yang mendapat suntikan dana perniagaan	-	1	1	2	2
C	Bilangan usahawan yang dipadankan dengan syarikat pelajar	-	1	1	2	2
D	Bilangan program cabaran inovasi yang dianjurkan	1	1	1	1	1



TERAS STRATEGIK 6: KEBITARAAN KEUSAHAWANAN



Objektif Strategik

1. Memartabatkan reputasi institusi di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.
2. Meningkatkan pelajar menjalankan perniagaan.
3. Menambahkan graduan menceburi bidang keusahawanan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

2021

2022

2023

2024

2025

3. PERATUSAN GRADUAN USAHAWAN (GE) – (KEU)

A

Peratusan pelajar yang menjalani latihan industri di syarikat sendiri

-

-

-

10

10

B

Peratusan usahawan graduan menyertai program *Accelerator* dan *Business Pitching*

-

-

-

10

10

4. BILANGAN KAJIAN KES/ PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN – (DLM)

A

Peratusan kursus selain teras keusahawanan yang mempunyai elemen keusahawanan secara *integrate/ embed/ infuse*

10

10

10

10

10

5. BILANGAN (PERATUSAN) KEPAKARAN TENAGA PENGAJAR/ PEMBIMBING KEUSAHAWANAN – (KEU)

A

Bilangan staf akademik yang menjalani sabatikal keusahawanan/ latihan keusahawanan

1

1

1

1

1



Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan Bachok
16350 Bachok, Kelantan.
Telefon : +609-7797445
Faksimili : +609-7797442

www.fbi.umk.edu.my